## PENGENALAN

Kanak-kanak merupakan sebahagian daripada masyarakat yang amat penting, yang menjadi aset negara dan penyambung nadi pembangunan negara pada masa hadapan. Pada tahun 2008, terdapat seramai 10.5 juta (37.9%) orang kanak-kanak daripada 27.7 juta penduduk Malaysia . Dengan itu, pihak Kerajaan amat prihatin kepada kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak.

Sehubungan ini, Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau Convention on the Rights of the Child (CRC) pada 17 Februari 1995. Konvensyen ini memberi tumpuan terhadap kebajikan dan kehidupan kanak-kanak yang menjurus kepada aspek kelangsungan hidup (survival), perlindungan (protection), perkembangan (development) dan penyertaan (participation). Sebagai sebuah Negara Pihak (State Party) kepada CRC, Malaysia amat prihatin dan komited terhadap tanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang merupakan generasi pewaris negara masa hadapan.

Kepentingan golongan kanak-kanak jelas dibuktikan dalam pernyataan Wawasan 2020 di mana institusi keluarga dan kanak-kanak merupakan salah satu fokus yang diberi keutamaan dalam usaha negara mencapai status negara maju di samping melahirkan masyarakat yang saksama dan penyayang.

## DEFINISI

Kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak, 2001.

## PERNYATAAN DASAR

Dasar Kanak-Kanak Negara adalah satu dasar mengenai hak kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak agar dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang kondusif.

## PERNYATAAN MATLAMAT

Dasar Kanak-Kanak Negara bertujuan untuk melahirkan individu yang sihat, cergas, berilmu, inovatif, kreatif, berjati diri, berdaya saing, progresif dan mempunyai nilai-nilai murni.

## OBJEKTIF

Objektif utama Dasar Kanak-Kanak Negara ialah untuk memastikan:

1. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup dengan diberi jagaan, pemeliharaan, kasih sayang, perkhidmatan kesihatan, sokongan dan bantuan sosial;

2. setiap kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya mempunyai hak untuk dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi; dan seterusnya diberi habilitasi, rehabilitasi dan diintegrasi ke dalam keluarga dan masyarakat;

3. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk perkembangan holistik dari segi fizikal, kognitif, bahasa, sosio-emosi, sahsiah dan kerohanian;

4. setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk bersuara, menyertai (turut serta) dan melibatkan diri mengikut tahap keupayaan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan terbaik dan kesejahteraan mereka;

5. kanak-kanak, ibu bapa, penjaga, komuniti dan masyarakat sedar akan hak kanak-kanak untuk kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan; dan

6. penyelidikan dan pembangunan mengenai kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak dilaksanakan dari semasa ke semasa.

## STRATEGI

Strategi-strategi bagi mencapai objektif di atas adalah seperti berikut:

### Objektif 1

### Kelangsungan Hidup

1. Menyediakan keperluan asas seperti identiti, tempat tinggal, makanan, minuman, pakaian, kasih sayang, keselamatan dan persekitaran yang kondusif dan mesra kanak-kanak.
2. Meningkatkan kerjasama antara agensi Kerajaan, NGO, pihak swasta dan masyarakat setempat dalam penjagaan kesihatan, keselamatan dan pendidikan bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak.

3. Meningkatkan kualiti dan memperluaskan perkhidmatan sokongan dan bantuan sosial mengikut keperluan kanak-kanak termasuk kanak-kanak OKU dan anak yatim.

4. Memperluaskan akses kepada maklumat dan bahan bersesuaian daripada pelbagai sumber supaya kanak-kanak mendapat pengetahuan dan kemahiran demi kelangsungan hidup mereka.

5. Memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan keselamatan sosial.

### Objektif 2

### Perlindungan

1. Meningkatkan latihan kepada semua pihak yang berurusan dengan kanak-kanak supaya mempunyai pengetahuan, kelayakan dan kemahiran yang mencukupi serta bersikap positif dalam pengendalian kes penganiayaan, pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak.

2. Memberi perkhidmatan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa penyeksaan, pengabaian, penganiayaan, keganasan, pengeksploitasian atau kanak-kanak tidak terkawal serta penyediaan rawatan pemulihan kepada pesalah kanak-kanak (*child offender*).

3. Memberi perlindungan ke atas mangsa, pengadu dan keluarga daripada gangguan atau ancaman pihak-pihak tertentu.

4. Memastikan kanak-kanak diberi hak kepada perundangan dan perkhidmatan sokongan.

5. Memberi sokongan kepada keluarga yang berisiko tinggi supaya kanak-kanak dalam keluarga tersebut dapat menikmati hak-hak mereka.

6. Memastikan semua pihak yang mempunyai hubungan atau memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak mewujudkan dasar dan protokol perlindungan kanak-kanak dan melaksanakannya.

7. Menyediakan program khusus bagi kanak-kanak jalanan, kanak-kanak tanpa dokumen, kanak-kanak tercicir, kanak-kanak terlibat dengan penagihan dadah dan kanak-kanak yang berada dalam situasi genting, kepayahan dan lain-lain bahaya (*under difficult circumstances*).

8. Memastikan kanak-kanak mangsa bencana menerima rawatan yang sewajarnya bagi pemulihan, pembangunan dan pengintegrasian semula ke dalam masyarakat.

9. Memastikan kanak-kanak mangsa eksploitasi seksual (seperti pelacuran kanak-kanak dan pornografi kanak-kanak) dan pemerdagangan orang diberi perlindungan, pemulihan dan pengintegrasian semula ke dalam masyarakat atau dihantar pulang ke negara asal.

10. Mewujudkan mekanisme amaran awal dan mengukuhkan mekanisme perlindungan kanak-kanak di peringkat nasional dan antarabangsa.

11. Menggalakkan penyediaan persekitaran yang sihat dan selamat untuk kanak-kanak.

**Objektif 3**

**Perkembangan**

1. Meningkatkan perkhidmatan pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak yang berkualiti, mudah diperolehi dan mampu

dibiayai dalam persekitaran yang kondusif bagi merangsang perkembangan optimum kanak-kanak.

2. Menyediakan kemudahan prasarana dan persekitaran mesra kanak-kanak.

3. Memperluaskan program dan kemudahan khusus bagi perkembangan kanak-kanak kurang upaya dalam semua aspek seperti pengesanan dan intervensi awal, pemulihan, pendidikan dan pengintegrasian semula dalam masyarakat.

4. Menyediakan bantuan, latihan dan pemantauan yang berterusan bagi memastikan kanak-kanak mendapat pengasuhan, penjagaan dan pendidikan yang bermutu tinggi.

**Objektif 4**

**Penyertaan**

1. Memastikan kanak-kanak diberi akses kepada maklumat yang berkualiti dan bahan bersesuaian daripada pelbagai sumber supaya kanak-kanak dapat menyertai aktiviti yang berkaitan dengan hal ehwal mereka.

2. Menggalakkan media massa dan pihak swasta untuk menyebarkan maklumat yang bersesuaian dan berkualiti.

3. Menggalakkan kanak-kanak menyuarakan pendapat dan pandangan secara bertanggungjawab dan beretika sebagai

input dalam merangka program untuk mereka atau program yang berkaitan dengan kepentingan mereka.

**Objektif 5**

**Advokasi**

1. Meningkatkan kesedaran di kalangan keluarga dan masyarakat akan pentingnya penjagaan kesihatan kepada kanak-kanak.

2. Meningkatkan kesedaran di kalangan keluarga dan masyarakat mengenai hak kesamarataan kanak-kanak daripada sebarang bentuk diskriminasi.
3. Memantapkan program sedia ada dan memperkenalkan program yang sesuai bagi mencegah penganiayaan, pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak.

4. Meningkatkan kesedaran ibu bapa, penjaga dan ahli masyarakat akan pentingnya pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak.

5. Meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai hak, kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak kepada semua pihak yang berkenaan.

**Objektif 6**

**Penyelidikan dan Pembangunan**

1. Memperbanyakkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pembangunan kanak-kanak dan menyebarluaskan hasil-hasil penyelidikan bagi tujuan penambahbaikan.

## KELANGSUNGAN HIDUP (*SURVIVAL*)

**Objektif 1: Memastikan setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup dengan diberi jagaan, pemeliharaan, kasih sayang, perkhidmatan kesihatan, sokongan dan bantuan sosial.**

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Menyediakan keperluan asas seperti identiti, tempat tinggal, makanan, minuman, pakaian, kasih sayang, keselamatan dan persekitaran yang kondusif dan mesra kanak-kanak. | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)**<br>1. Meningkatkan pelaksanaan program membasmi kemiskinan tegar di luar bandar dan bandar:<br>• Bantuan perumahan ï baiki/bina baru/sewa<br>• Pengangkutan<br>• Pendidikan/Latihan Kemahiran<br>• Makanan/Pakaian<br>• Bantuan kewangan<br>• Kursus keusahawanan | EPU<br>ICU<br>KKLW<br>KPKT<br>KSM<br>KPM<br>KKM<br>JKM<br>PBT | Kadar kemiskinan tegar dan kemiskinan mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan. |
| | | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)**<br>2. Menyediakan garis panduan mengenai piawaian minimum tempat tinggal. | KPKT<br>KKM<br>KSM | Semua bangunan baru yang dibina mematuhi piawaian yang ditetapkan menjelang tahun 2012. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | KKLW<br>JKR<br>PBT | |
| | | **Jangka pendek (2009 - 2010)**<br>3. Menerapkan semangat kejiranan melalui organisasi komuniti setempat seperti rukun tetangga, Persatuan Penduduk, Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung. | KKLW<br>KPKT<br>KPM<br>KSM<br>KPWKM<br>KDN<br>JPNIN<br>PDRM<br>JKM<br>PBT | Peratusan kes jenayah dan kemalangan yang berlaku di kawasan kejiranan yang melibatkan kanak-kanak dapat dikurangkan sebanyak 10% setahun. |
| | | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)**<br>4. Mengenal pasti dan mendaftarkan kanak-kanak yang belum mempunyai sijil kelahiran. | KDN<br>KPWKM | Semua kanak-kanak yang dikenal pasti tidak mempunyai sijil |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | MKN<br>JPN<br>JKM<br>JHEOA<br>Kerajaan Negeri Sabah & Sarawak | kelahiran didaftarkan menjelang tahun 2012. |
| | | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)**<br>5. Menggalakkan semua ibu bapa / penjaga mendaftar kelahiran anak mereka. | KDN<br>KPKK<br>KPWKM<br>KKM<br>JPN<br>JHEOA<br>Kerajaan Negeri Sabah & Sarawak | Semua kanak-kanak yang mempunyai bukti sahih kelahiran mereka di Malaysia diberi sijil kelahiran menjelang tahun 2012. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| 2. | Meningkatkan kerjasama antara agensi Kerajaan, NGO, pihak swasta dan masyarakat setempat dalam penjagaan kesihatan, keselamatan dan pendidikan bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak. | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)**<br>1. Mewujudkan program bagi meningkatkan keprihatinan dan tanggungjawab sosial di kalangan masyarakat setempat seperti:<br>• Gotong royong<br>• Kawalan tetangga<br>• Majlis keramaian<br>• Kempen kesihatan<br>• Aktiviti keagamaan, kebudayaan, kesenian dan rekreasi. | KPKK<br>KKM<br>KPKT<br>JPNIN<br>PDRM<br>PBT<br>RELA<br>JKKK<br>Persatuan Penduduk<br>NGO<br>Swasta | Tahap keprihatinan dan tanggungjawab sosial meningkat sebanyak 75% di kalangan masyarakat setempat menjelang 2012. |
| | | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)**<br>2. Meningkatkan penglibatan sektor korporat dan swasta dalam projek CSR dalam aspek sosial (*Funding/ colaboration/ empowerment of* | KEM. KEW<br>KPWKM<br>KKM | Peningkatan penglibatan sektor korporat dan swasta dalam program CSR sebanyak 20% pada |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | *community*). | KPM<br>JKM<br>JLKN<br>Swasta<br>NGO | tahun 2012 berbanding 2010. |
| | | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)**<br>3. Memantapkan program pendidikan jasmani dan kesihatan termasuk kesihatan reproduktif dan sosial di semua peringkat sekolah. | KPM<br>KKM<br>KPT<br>LPPKN<br>NGO<br>Swasta | Tahap kecergasan dan kesihatan kanak-kanak meningkat sebanyak 50% pada tahun 2012 berbanding 2010. |
| 3. | Meningkatkan kualiti dan memperluaskan perkhidmatan sokongan dan bantuan sosial mengikut keperluan kanak-kanak termasuk kanak- | **Jangka pendek (2009 - 2010)**<br>1. Meningkatkan program/kursus mengenai pendidikan dan kemahiran keibubapaan (*parenting skills*) melalui:<br>o Kursus pra-perkahwinan<br>o Kursus kemahiran keibubapaan | KPWKM<br>KKM<br>KKLW<br>LPPKN | Bilangan ibu bapa / penjaga mendapat kemahiran keibubapaan meningkat 10% setiap tahun. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | kanak OKU dan anak yatim. | ○ Kursus pengasuhan awal kanak-kanak<br>○ Kursus pengendalian anak remaja<br>○ Kaunseling keluarga/bengkel interaktif<br>○ Kempen keluarga bahagia | JKM<br>JPW<br>JAKIM<br>JHEOA<br>NGO | |
| | | **Jangka pendek (2009 - 2010)**<br>2. Mengadakan program kerjasama dengan pakar pediatrik dan psikiatrik kanak-kanak untuk mengadakan pemeriksaan kesihatan di institusi kanak-kanak di seluruh negara. | KKM<br>KPM<br>KPWKM<br>LPPKN<br>JKM<br>NGO | Peratusan kanak-kanak yang mendapat perkhidmatan pemeriksaan pediatrik dan psikiatrik meningkat sebanyak 5% setahun. |
| | | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)**<br>3. Pemberian bantuan kewangan kepada kanak-kanak dan keluarga yang memerlukan. | KEM. KEW<br>KPKT<br>KPWKM | Peratusan kanak-kanak yang terbiar tanpa keperluan asas berkurangan sebanyak |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | KKLW<br>KPM<br>JKM<br>JAKIM<br>Swasta | 50% menjelang tahun 2010 dan 75% menjelang 2012. |
| 4. | Memperluaskan akses kepada maklumat dan bahan bersesuaian dari pelbagai sumber supaya kanak-kanak mendapat pengetahuan dan kemahiran demi kelangsungan hidup mereka. | **Jangka pendek (2009 - 2010)**<br>1. Latihan kepada penyampai maklumat untuk kanak-kanak. | KPKK<br>SKMM<br>JKM<br>KPM<br>KEMAS<br>KPWKM<br>KKLW<br>KKM<br>JHEOA<br>JPW<br>LPPKN | Bilangan penyampai maklumat kepada kanak-kanak meningkat sebanyak 5% menjelang tahun 2010. |
| | | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)**<br>2. Akses kepada multimedia bagi kanak-kanak dan *knowledge provider*. | | Menjelang tahun 2012 aksesibiliti multimedia di semua zon berisiko tinggi dapat dipenuhi. |
| | | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)**<br>3. Mewujudkan pusat sumber / aktiviti yang mesra kanak-kanak di zon berisiko tinggi. | | Menjelang tahun 2012 sekurang-kurangnya sebuah pusat sumber/ aktiviti kanak-kanak |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | NGO<br>Swasta<br>Masyarakat Setempat | berjaya diwujudkan di setiap zon berisiko tinggi. |
| | | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)**<br>4. Mewujudkan kit pembelajaran yang menyokong strategi. | | Kit pembelajaran yang standard dapat diwujudkan menjelang tahun 2012. |
| | | **Jangka pendek (2009 - 2010)**<br>5. Program bersama ibu bapa dan kanak-kanak. | | Sekurang-kurang dua kali setahun program ini dianjurkan di kawasan berisiko tinggi. |
| | | **Jangka pendek (2009 - 2010)**<br>6. *Smart partnership* bersama NGO, masyarakat setempat dan swasta. | | Mewujudkan *one stop centre* untuk setiap zon yang berisiko tinggi menjelang 2012 yang dikelolakan oleh masyarakat setempat dan dibantu oleh NGO serta dibiayai oleh swasta dengan dipantau oleh pihak Kerajaan. |

| **BIL.** | **STRATEGI** | **PROGRAM/TINDAKAN** | **AGENSI PELAKSANA** | ***OUTCOME*** |
|---|---|---|---|---|
| 5. | Memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan keselamatan sosial. | **Jangka panjang (2009 - 2015)**<br>1. Mewujudkan skim insurans bagi melindungi kanak-kanak khususnya kanak-kanak berisiko *(vulnerable)* termasuk ibu bapa dan keluarga. | KEM. KEW<br>KPWKM<br>KPM<br>BNM<br>Syarikat Insurans | Peratusan kanak-kanak yang dilindungi di bawah skim insurans meningkat sebanyak 5% setahun. |

**PERLINDUNGAN (*PROTECTION*)**

**Objektif 2: Memastikan setiap kanak-kanak termasuk kanak-kanak kurang upaya mempunyai hak untuk dilindungi daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi; dan seterusnya diberi habilitasi, rehabilitasi dan diintegrasi ke dalam keluarga dan masyarakat.**

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)** | | |
| 1. | Meningkatkan latihan kepada semua pihak yang berurusan dengan kanak-kanak supaya mempunyai pengetahuan, kelayakan dan kemahiran yang mencukupi serta bersikap positif dalam pengendalian kes penganiayaan, pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak. | Memperbanyakkan program kepekaan (*sensitization programme*) untuk semua pihak yang terlibat dengan pengurusan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan. | KPWKM<br>KPM<br>KPT<br>KKM<br>KDN<br>KPKK<br>BHEUU, JPM<br>JAKIM<br>Mahkamah<br>Jab. Peguam Negara<br>PDRM<br>JKM | Kecekapan pengurusan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan meningkat sebanyak 10% pada tahun 2012 berbanding tahun 2010. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | JPNIN<br>JIM<br>KEMAS<br>RELA<br>NGO | |
| | | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)**<br>1. Memberi latihan kemahiran pengurusan kanak-kanak termasuk asas kaunseling kepada semua pihak terlibat dalam memberi perkhidmatan (jagaan, perlindungan, pemulihan dan pendidikan) kepada kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan. | KPWKM<br>KKM<br>KPM<br>KDN<br>KPKK<br>Mahkamah<br>JKM<br>JAKIM<br>PDRM<br>JIM<br>Jab. Peguam Negara | Tahap kemahiran pegawai yang memberi perkhidmatan (jagaan, perlindungan, pemulihan dan pendidikan) kepada kanak-kanak meningkat sebanyak 5% setahun. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | JPNIN<br>JPN<br>KEMAS<br>PBT<br>IPTA/IPTS<br>RELA<br>Majlis Peguam<br>Sektor Swasta<br>NGO | |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)** | | |
| 2. | Memberi perkhidmatan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa penyeksaan, pengabaian, penganiayaan, keganasan, pengeksploitasian atau kanak-kanak tidak terkawal serta penyediaan rawatan pemulihan kepada pesalah kanak-kanak (*child offender*). | 1. Program intervensi yang khusus kepada:<br>(i) kanak-kanak yang menjadi mangsa penyeksaan, pengabaian, penganiayaan, keganasan, pengeksploitasian;<br>(ii) kanak-kanak tidak terkawal;<br>(iii) pesalah kanak-kanak (*child offender*); dan<br>(iv) kanak-kanak yang terdedah kepada keadaan bahaya yang menyalahi undang-undang (perhimpunan haram, rusuhan, krisis, peperangan). | KPWKM<br>KDN<br>KKM<br>KPM<br>JKM<br>JIM<br>PDRM<br>PBT<br>Jab. Penjara<br>NGO<br>Organisasi komuniti setempat | Bilangan kanak-kanak yang mendapat perlindungan yang kondusif meningkat sebanyak 5% setahun. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)**<br>2. Mewujud dan meningkatkan bilangan tempat selamat bagi pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak di setiap negeri. | KPWKM<br>KEM. KEW<br>KDN<br>EPU<br>MKN<br>JKM<br>Kerajaan-kerajaan Negeri | Setiap negeri mempunyai tempat selamat yang mencukupi dan menepati standard minimum bagi pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak menjelang tahun 2012. |
| | | **(Jangka pendek: 2009 - 2010)**<br>3. Mewujudkan suasana mesra kanak-kanak dalam semua agensi sistem keadilan jenayah (*criminal justice system*) serta memberi khidmat sokongan kepada saksi dan pesalah kanak-kanak di setiap mahkamah. | Mahkamah<br>Jab. Peguam Negara<br>BHEUU, JPM<br>KPWKM<br>KDN<br>KKM | Semua agensi sistem keadilan jenayah (*criminal justice system*) mewujudkan infrastruktur, protokol dan prosedur yang mesra kanak- |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | JIM<br>PDRM<br>JKM<br>RELA<br>Majlis Peguam<br>NGO | kanak pada akhir 2010. |
| | | **Jangka pendek (2009 - 2010)**<br>4. Melantik dan melatih pelindung kecemasan kanak-kanak (*emergency child protector*) untuk memberi perlindungan segera kepada kanak-kanak. | KPWKM<br>KKM<br>JKM<br>Jab. Peguam Negara<br>PDRM<br>NGO | Bilangan pelindung kecemasan kanak-kanak yang dilantik dan terlatih di tingkatkan dan ditempatkan secara berperingkat di setiap negeri selepas pindaan AKK2001 dikuatkuasakan. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka pendek (2009 - 2010)**<br>5. Menambah bilangan keluarga pelihara bagi penempatan sementara kanak-kanak yang terabai dan memerlukan perlindungan. | KPWKM<br>JKM<br>Organisasi komuniti setempat<br>NGO | Peratusan keluarga pelihara meningkat sebanyak 2% setahun. |
| | | **Jangka sederhana (2009 - 2012)**<br>6. Menambah bilangan ahli psikiatrik, psikologi dan kaunselor khusus untuk kanak-kanak. | KPWKM<br>KKM<br>KPT<br>KDN<br>KPM<br>JPA<br>JKM<br>Jab. Penjara<br>PDRM<br>LPPKN | Bilangan ahli psikiatrik, psikologi dan kaunselor khusus untuk kanak-kanak mencapai nisbah yang selaras dengan amalan terbaik peringkat antarabangsa menjelang tahun 2012. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | NGO | |
| | | **Jangka sederhana (2009 - 2012)**<br>7. Memantapkan program pemulihan bagi pengintegrasian semula mangsa kanak-kanak atau kanak-kanak berisiko tinggi ke dalam masyarakat. | KPWKM<br>KPM<br>KKM<br>KDN<br>JKM<br>Jab. Penjara<br>AADK<br>NGO | Peratusan kanak-kanak yang berjaya dipulihkan dan diintegrasikan ke dalam masyarakat meningkat sebanyak 5% setahun. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| 3. | Memberi perlindungan ke atas mangsa, pengadu dan keluarga daripada gangguan atau ancaman pihak-pihak tertentu. | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>1. Meningkatkan program kepekaan (*sensitization)* kepada pihak media dan agensi pengiklanan akan tanggungjawab mereka dalam menjaga kepentingan kanak-kanak dengan menghalang pendedahan identiti kanak-kanak, pengadu dan keluarga. | KPWKM<br>KPKK<br>KDN<br>PDRM<br>JIM<br>JKM<br>AADK<br>NGO<br>Media | Kes pendedahan identiti kanak-kanak, pengadu dan keluarga dapat dikurangkan di bawah 2% mulai tahun 2010. |
| | | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>2. Penggubalan undang-undang bagi melindungi saksi / pengadu. | BHEUU, JPM<br>Jab. Peguam Negara | Akta perlindungan saksi dikuatkuasakan mulai tahun 2010. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Sederhana (2009 - 2012)**<br>3. Mewujudkan mekanisme bagi memastikan identiti mangsa, pengadu dan keluarga dilindungi. | Mahkamah<br>KPWKM<br>BHEUU, JPM<br>Jab. Peguam Negara<br>PDRM<br>JKM<br>JIM<br>NGO | Satu mekanisme khusus mengenai perlindungan identiti mangsa, pengadu dan keluarga dapat diwujudkan menjelang tahun 2012. |
| | | **Jangka Sederhana (2009 - 2012)**<br>4. Mewujudkan kerjasama dan koordinasi antarabangsa yang komprehensif melalui MoU atau perjanjian bilateral/multilateral bagi perlindungan mangsa. | KLN<br>KPWKM<br>KDN<br>Jab. Peguam Negara<br>PDRM<br>MKN | Kerjasama dan koordinasi antarabangsa yang komprehensif melalui MoU atau perjanjian bilateral/ multilateral |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | JIM | diwujudkan pada tahun 2012. |
| 4. | Memastikan kanak-kanak diberi hak perundangan dan perkhidmatan sokongan. | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>1. Menyediakan khidmat bantuan guaman serta kaunseling kepada kanak-kanak seboleh-bolehnya secara percuma. | KPWKM<br>Jab. Peguam Negara<br>BBG<br>PDRM<br>JIM<br>JKM<br>Jab. Penjara<br>Majlis Peguam<br>NGO | 95% kanak-kanak yang menjadi mangsa mendapat pembelaan mulai tahun 2010. |
| | | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>2. Memantap dan memperluaskan fungsi dan tanggungjawab Pasukan Pelindungan Kanak-kanak. | KPWKM<br>JKM<br>PDRM | Bilangan Pasukan Pelindung Kanak-kanak yang lebih |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | KKM<br>Organisasi komuniti setempat<br>NGO | cekap dan berkesan meningkat sebanyak 5% setahun. |
| | | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>3. Mewujudkan *diversion programme* (*restorative justice, family conferencing, community service*) untuk kanak-kanak yang terlibat dalam kes-kes jenayah. | KPWKM<br>KPKT<br>Jab. Peguam Negara<br>BHEUU, JPM<br>PDRM<br>JKM<br>IPTA/IPTS<br>Majlis Peguam | Hukuman ke atas kanak-kanak yang terlibat dalam kes-kes jenayah digantikan dengan *diversion programme* (*restorative justice, family conferencing, community service*) menjelang tahun 2010. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>4. Memperluaskan program khidmat saksi kanak-kanak di setiap mahkamah. | KKM<br>KPWKM<br>Mahkamah<br>BHEUU, JPM<br>JKM<br>Jab. Peguam Negara<br>BBG<br>PDRM<br>Majlis Peguam<br>NGO | 50% kanak-kanak yang menjadi saksi dapat dihindar dari kesan negatif seperti trauma dan dapat memberi keterangan dengan lancar menjelang tahun 2010. |
| 5. | Memberi sokongan kepada keluarga yang berisiko tinggi* supaya kanak-kanak dalam keluarga tersebut dapat | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>1. Menyedia dan menambah baik program sedia ada bagi penempatan kanak-kanak dalam program bercorak kekeluargaan. | KPWKM<br>KKM<br>JAKIM | Peratusan kanak-kanak daripada keluarga berisiko tinggi dapat |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | menikmati hak-hak mereka.<br><br>*berisiko tinggi ï  ibu bapa yang terlibat dengan jenayah, penggunaan dadah, keganasan rumah tangga dan seumpamanya. | | JKM<br>LPPKN<br>NGO<br>Organisasi komuniti setempat | diturunkan sebanyak 5% setahun. |
| | | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>2. Mempertingkatkan program sokongan dan pemulihan kepada keluarga yang berisiko tinggi melalui pusat aktiviti kanak-kanak dan lain-lain organisasi komuniti. | KPWKM<br>KKM<br>JKM<br>JPNIN<br>LPPKN<br>NGO | Peratusan kanak-kanak daripada keluarga berisiko tinggi dapat dibantu meningkat sebanyak 5% setahun. |
| 6. | Memastikan semua pihak yang mempunyai hubungan atau memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak mewujudkan dasar dan | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>1. Melatih semua pihak yang mempunyai hubungan atau memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak berdasarkan rangka kerja (*framework*) dasar perlindungan kanak-kanak. | KPWKM<br>KDN<br>KPM<br>KSM | Sebanyak 60% daripada agensi yang mengikuti latihan mewujudkan |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | protokol perlindungan kanak-kanak dan melaksanakannya. | | KKLW<br>KPKT<br>PDRM<br>JKM<br>Sektor Swasta<br>IPTA/IPTS<br>NGO | dasar perlindungan kanak-kanak masing-masing menjelang tahun 2010. |
| | | **Jangka Sederhana (2009 - 2012)**<br>2. Mewujudkan sistem saringan, pengiktirafan dan latihan bagi mereka yang bekerja secara langsung dengan kanak-kanak. | KPWKM<br>KDN<br>KPM<br>KSM<br>KKLW<br>PDRM<br>JKM<br>Sektor Swasta<br>IPTA/IPTS<br>NGO | Sistem saringan dan pengiktirafan serta latihan bagi mereka yang bekerja secara langsung dengan kanak-kanak diwujudkan pada tahun 2012 |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>3. Pembangunan modul latihan perlindungan kanak-kanak yang *standard* dan bersesuaian untuk mereka yang bekerja secara langsung dengan kanak-kanak bagi setiap peringkat umur. | KPWKM<br>KDN<br>KPM<br>KSM<br>KKLW<br>PDRM<br>JKM<br>Sektor Swasta<br>IPTA/IPTS<br>NGO | Modul latihan perlindungan kanak-kanak dibangunkan dan dilaksanakan pada tahun 2010. |
| | | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>4. Pewujudan kumpulan jurulatih utama (*master trainers*) dalam bidang perlindungan kanak-kanak. | KPWKM<br>KDN<br>KPM<br>KSM<br>KKLW<br>PDRM | Bilangan jurulatih utama dalam bidang perlindungan kanak-kanak meningkat sebanyak 10% setiap tahun |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | JKM<br>Sektor Swasta<br>IPTA/IPTS<br>NGO | mulai tahun 2010. |
| 7. | Menyediakan program khusus bagi kanak-kanak jalanan, kanak-kanak tanpa dokumen, kanak-kanak tercicir, kanak-kanak terlibat dengan penagihan dadah dan kanak-kanak yang berada dalam situasi genting, kepayahan* dan lain-lain bahaya** (*under difficult circumstances)*.<br><br>*Situasi genting dan kepayahan adalah seperti kanak-kanak di negeri Sabah dan Sarawak /pedalaman yang ke sekolah.<br>**lain-lain bahaya adalah | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>1. Menggalakkan komuniti untuk mengesan dan melapor kepada pihak berkuasa mengenai kes melibatkan kanak-kanak jalanan, kanak-kanak tanpa dokumen, kanak-kanak tercicir, kanak-kanak terlibat dengan penagihan dadah dan kanak-kanak yang berada dalam situasi genting, kepayahan dan lain-lain bahaya.<br><br>**Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>2. Memberi intervensi berdasarkan keperluan kanak-kanak yang terlibat seperti kanak-kanak jalanan, kanak-kanak tanpa dokumen, kanak-kanak tercicir, kanak-kanak terlibat dengan penagihan dadah dan kanak-kanak yang berada dalam situasi genting, kepayahan dan lain-lain bahaya termasuk murid-murid di kawasan | KPWKM<br>KPM<br>KPT<br>KKM<br>KDN<br>KPKK<br>MOTOUR<br>BHEUU, JPM<br>JAKIM<br>Mahkamah<br>Jab. Peguam Negara<br>PDRM | Kesedaran komuniti meningkat sebanyak 10% setahun dan sistem laporan kes-kes dan program intervensi khusus melibatkan kanak-kanak golongan ini diwujudkan di semua agensi berkenaan pada 2009. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | seperti kanak-kanak mangsa mercun dan kanak-kanak yang berdepan dengan bahaya secara fizikal dan emosi. | pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta kanak-kanak mangsa mercun. | MAPO<br>JKM<br>JPN<br>JPNIN<br>JIM<br>KEMAS<br>RELA<br>NGO | |
| 8. | Memastikan kanak-kanak mangsa bencana menerima rawatan yang sewajarnya bagi pemulihan, pembangunan dan pengintegrasian semula ke dalam masyarakat. | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>1. Memberi latihan khusus kepada agensi terlibat mengenai pengurusan kanak-kanak dalam keadaan bencana. | MKN<br>KKM<br>KPWKM<br>KPM<br>PDRM<br>JKM<br>JPW<br>BOMBA | Program latihan khusus dilaksanakan di semua agensi yang berkaitan mulai 2010. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | JPAM<br>RELA<br>YKN<br>NGO | |
| 9. | Memastikan kanak-kanak mangsa eksploitasi seksual (seperti pelacuran kanak-kanak dan pornografi kanak-kanak) dan pemerdagangan orang diberi perlindungan, pemulihan dan pengintegrasian semula ke dalam masyarakat atau dihantar pulang ke negara asal. | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>1. Memastikan pelaksanaan dan penyelarasan undang-undang yang sedia ada untuk menangani eksploitasi seksual (seperti pemerdagangan, pelacuran dan pornografi) kanak-kanak.<br><br>**Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>2. Semua mangsa diselamat, dipulih dan diintegrasi semula ke dalam masyarakat atau dihantar pulang (*repartriate*) ke negara asal. | Jab. Peguam Negara<br>KPWKM<br>KLN<br>KDN<br>KPKK<br>MOTOUR<br>PDRM<br>BHEUU, JPM<br>SUHAKAM<br>JIM<br>JKM<br>Maritim | Kanak-kanak mangsa eksploitasi seksual mendapat perlindungan perundangan yang lebih sempurna. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | KDRM | |
| 10. | Mewujudkan mekanisme amaran awal dan mengukuhkan mekanisme perlindungan kanak-kanak di peringkat nasional dan antarabangsa. | **Jangka Pendek (2009 - 2010)**<br>1. Mengadakan sistem amaran awal seperti ñ*Amber Alert System*ò bagi membolehkan tindakan segera diambil dalam menangani kes kehilangan kanak-kanak. | KPWKM<br>KKM<br>KPM<br>KDN<br>KLN<br>KPKK<br>KPKT<br>PDRM<br>Jab. Peguam Negara<br>JKM<br>JIM<br>PBT<br>NGO<br>Organisasi komuniti | Satu sistem amaran awal seperti ñ*Amber Alert System”* diwujudkan pada tahun 2009. |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | setempat | |
| 11. | Menggalakkan penyediaan persekitaran yang sihat dan selamat untuk kanak-kanak. | **Jangka Sederhana (2009 – 2012)**<br>1. Program kerjasama masyarakat dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam menyediakan kemudahan dan persekitaran awam yang selamat dan mesra kanak-kanak. | KPWKM<br>KKM<br>KPKT<br>KKLW<br>KPT<br>KPM<br>KEM KEW<br>KDN<br>KPKK<br>JKM<br>JPNIN<br>PDRM<br>LPPKN<br>PBT<br>Sektor Swasta | Peningkatan penyediaan kemudahan dan persekitaran awam yang selamat dan mesra kanak-kanak sekurang-kurangnya 2% setahun. |
| | | 2. Program penyediaan pusat jagaan kanak-kanak termasuk *respite care* yang berkualiti, mampu bayar dan mudah diakses oleh masyarakat. | | |
| | | 3. Penyediaan pusat jagaan di luar waktu sekolah (*before and after-school care*) di sekolah dan tempat-tempat yang bersesuaian. | | |
| | | 4. Penambahbaikan program sedia ada di institusi kanak-kanak dengan menyediakan persekitaran yang bersih dan mesra. | | 75% program yang bersesuaian dengan tahap umur dan keperluan |

| BIL. | STRATEGI | PROGRAM/TINDAKAN | AGENSI PELAKSANA | *OUTCOME* |
|---|---|---|---|---|
| | | | NGO | mencapai standard minimum antarabangsa menjelang tahun 2012. |

